



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALA LUMPUR
 Email: pratm2020@gmail.com
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR
21 SEPTEMBER 2023
(Dikeluarkan pada jam 11.00 pagi)

HIWAR PERDANA DAN KESENIAN ISLAM **SEMPENA HARI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA KE-90**

Sebagai pembuka tirai bagi acara sambutan sempena Hari Angkatan Tentera (ATM) Malaysia Ke-90, maka hari ini pihak Bahagian Perkhidmatan Anggota - Kor Agama Angkatan Tentera (BPA-KAGAT ATM) telah menganjurkan program Hiwar Perdana dan Kesenian Islam bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM. Ia merupakan suatu program yang julung kali diadakan dengan mengetengahkan konsep dan gaya serta nafas baru dalam menyampaikan mesej dakwah dalam kalangan warga ATM khususnya.

Hiwar Perdana menampilkan dua (2) tokoh dakwah iaitu Ustaz Harryanto Rizal Rokman (pendakwah bebas) dan juga Ustazah Nazirah binti Abu Bakar (Penolong Pengarah Kanan, JAKIM) berbicara di atas tajuk, "Agama Dipelihara, Perpaduan Terjaga". Manakala Mejar Dr. Mohd Shukri bin Zahari Al-Hafiz merupakan Pegawai Agama 91 Depot Pusat Kor Ordnans Diraja telah bertindak sebagai moderator.

Setelah berakhir sesi Hiwar Perdana para penonton telah dihiburkan dengan suatu persembahan yang membugar jiwa Islami melalui persembahan yang autentik daripada Yabang Khalifah dan juga Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD). Halwa telinga hadirin juga dilunakkan lagi dengan *Preview* Muzik Video daripada Kumpulan Al-Fursan, Kor KAGAT yang ditubuhkan sejak 1998 sebagai mempromosikan kembali kegemilangan lagu-lagu kumpulan ini yang pernah masyhur suatu ketika dahulu.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyerahan *Tablet* yang merupakan sumbangan daripada pihak Etiqa Takaful Sdn Bhd. Majlis disempurnakan oleh YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Angkatan Tentera kepada 30 orang pelajar. Pelajar ini terdiri daripada anak-anak warga ATM yang cemerlang dan bakal melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Diharapkan agar sumbangan yang diperolehi ini dapat dijadikan sebagai peransang untuk meneruskan kejayaan di masa hadapan.

Di acara kemuncak pula telah diadakan cabutan bertuah daripada pihak penaja utama bagi program Hiwar Perdana dan Kesenian Islam ini iaitu Bank Islam Malaysia Berhad. Antara hadiah cabutan bertuah yang disediakan ialah *Habib Jewels Gold Coins*, *Xiaomi Redmi 10*, *Chromebook Acer Spin 311* dan juga *OPPO A16* kepada hadirin yang hadir.

Adalah menjadi suatu harapan besar bagi ATM, Bank Islam Malaysia Berhad serta semua para penaja yang lain agar program ini dapat memberi manfaat yang besar khususnya dalam meningkatkan syiar Islam dalam kalangan warga ATM. Pihak ATM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja dan individu yang terlibat serta turut menjayakan program ini.

Turut hadir ialah Jeneral Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM; Panglima Tentera Udara, Laksamana Madya Datuk Zulhelmy bin Ithnain; Timbalan Panglima Tentera Laut Mewakili Panglima Tentera Laut, Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad, Ketua Staf Markas ATM, Pegawai-pegawai Kanan ATM dan warga Kementerian Pertahanan.

-TAMAT-

“KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM

